

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING  
(TAIPING)**  
**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapakah kos membayar hutang negara tiap-tiap tahun sejak 2009 hingga kini; dan
- (b) berapakah jumlah hutang negara serta tanggungan liabiliti oleh Kerajaan sehingga Januari, 2017.

**JAWAPAN**

Kerajaan sentiasa memastikan bayaran pokok dan faedah dibuat secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Komitmen pembayaran khidmat hutang iaitu bayaran faedah ke atas hutang Kerajaan Persekutuan merupakan komitment yang diberikan keutamaan sebelum mana-mana pembayaran lain dibuat. Bagi tahun 2016, sejumlah RM26.5 bilion atau 12.5% daripada perbelanjaan

mengurus (OE) telah dibelanjakan bagi tujuan bayaran khidmat hutang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NGA KOR MING  
[ TAIPING ]**

**SOALAN :**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kos lawatan dan hasil lawatan YAB. Perdana Menteri dan YAB. Timbalan Perdana Menteri ke luar negara pada tahun 2015, 2016 dan pada tahun ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan lawatan luar negara untuk tujuan-tujuan rasmi bagi tahun 2015, 2016 dan tahun ini adalah mengikut kelayakan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri serta rombongan masing-masing. Lawatan kerja rasmi ke luar negara berdasarkan program yang telah dirancangkan bagi mengeratkan hubungan diplomatik dengan Malaysia yang merangkumi menghadiri Mesyuarat dan Lawatan Kerja Rasmi.

Sekian Terima Kasih.